

LOKALISASI ZAKAT MENERUSI INSTITUSI MASJID DI NEGERI SEMBILAN: SATU TINJAUAN KRITIS

LOCALIZATION OF ZAKAT THROUGH MOSQUE INSTITUTIONS IN NEGERI SEMBILAN: A CRITICAL REVIEW

Muhammad Najib Abd Wakil^{1*}

Azman Ab Rahman²

Ahmad Syukran Baharuddin³

¹ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai & Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Shah Alam, Malaysia.

(E-mail: muhammad.najib@uitm.edu.my)

² Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

(E-mail: azman@usim.edu.my)

³ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

(E-mail: ahmadsyukran@usim.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Abd Wakil, M. N., Ab Rahman, A., & Baharuddin, A. S. (2025). Lokalisasi zakat menerusi Institusi Masjid di Negeri Sembilan: Satu tinjauan kritis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) 10* (75), 856 - 867.

Abstrak: Masjid merupakan institusi penting dalam pembentukan tamadun Islam. Kewujudan masjid di awal perkembangan Islam bukan sekadar sebagai pusat mendirikan solat, bahkan memberi impak positif terhadap pembangunan ekonomi setempat melalui pengurusan zakat secara lokal. Negeri Sembilan merupakan antara negeri yang melihat potensi pengurusan zakat di masjid perlu dikembalikan dalam memperkasa kebaikan dan kemajuan tamadun Islam sejagat. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji sejarah pengurusan zakat melalui institusi masjid dan mencadangkan penambahbaikan pengurusan zakat di Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan instrumen temu bual dan analisis dokumen sebagai sumber utama peraihan data. Data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dan deduktif sebelum mencadangkan penambahbaikan terhadap amalan semasa pengurusan zakat di Negeri Sembilan. Hasil kajian mendapati bahawa pengurusan zakat menerusi institusi masjid di Negeri Sembilan pernah diamalkan sebelum kedatangan Inggeris. Pengaplikasian semula pengurusan zakat di intitusi masjid juga bukan perkara yang mustahil dan dikira sebagai cadangan menarik yang boleh diketengahkan dalam konteks ketamadunan Islam pada hari ini khususnya di Negeri Sembilan. Kajian ini dilihat mampu memberikan cetusan ilmu buat pelaksana dasar berkaitan zakat di Negeri Sembilan dan negeri-negeri yang lain di samping menambah dimensi pandangan pembaca dalam kalangan masyarakat tentang pengurusan zakat menurut Islam. Kajian mencadangkan satu model baharu pengurusan zakat perlu diperkenalkan menerusi institusi masjid di Negeri Sembilan yang sifatnya lebih lokal dan setempat sesuai dengan tujuan pensyariatan zakat menurut agama Islam.

Kata kunci: Lokalisasi, Zakat, Masjid, Negeri Sembilan

Abstract: *The mosque is an important institution in the formation of Islamic civilization. The existence of mosques in the early development of Islam was not merely as centers for performing prayers but also had a positive impact on local economic development through the local management of zakat. Negeri Sembilan is one of the states that sees the potential for mosque-based zakat management to be revived in order to enhance the goodness and progress of the global Islamic civilization. Therefore, this study aims to examine the history of zakat management through mosque institutions and propose improvements to zakat management in Negeri Sembilan. This study uses qualitative methods, specifically interviews and document analysis, as the primary sources for data collection. Data were analyzed using descriptive and deductive methods before suggesting improvements to the current practices of zakat management in Negeri Sembilan. The study found that the management of zakat through mosque institutions in Negeri Sembilan was practiced before the arrival of the British. The reapplication of zakat management in mosque institutions is also not an impossible task and is considered an interesting proposal that can be highlighted in the context of Islamic civilization today, especially in Negeri Sembilan. This study is seen as capable of providing insights for policymakers related to zakat in Negeri Sembilan and other states, while also adding dimensions to the readers' perspectives within the community on the management of zakat according to Islam. The study suggests that a new model of zakat management should be introduced through mosque institutions in Negeri Sembilan, which is more local and community-oriented, in line with the purpose of zakat as prescribed by Islam.*

Keywords: *Localisation, Zakat, Mosque, Negeri Sembilan*

Pengenalan

Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang berperanan sebagai ibadah wajib dan instrumen penting dalam membentuk keadilan sosial serta keseimbangan ekonomi umat Islam. Berdasarkan Surah al-Taubah, ayat 60, zakat hendaklah dikutip daripada golongan yang berkemampuan dan diagihkan kepada lapan golongan asnaf yang layak menerimanya. Dalam konteks pelaksanaan, prinsip lokalisasi zakat merujuk kepada keutamaan mengagihkan zakat di kawasan atau komuniti tempat ia dikutip. Prinsip ini bertujuan memastikan bahawa fakir miskin dan golongan memerlukan di sekitar pengeluar zakat mendapat bantuan terlebih dahulu, selaras dengan prinsip keadilan distributif yang menjadi asas pelaksanaan zakat dalam Islam (Noor & Noor, 2017).

Konsep lokalisasi ini mempunyai asas yang kukuh dalam sejarah pelaksanaan zakat pada zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rashidin. Pada masa tersebut, amil zakat yang dilantik di sesuatu wilayah bertanggungjawab bukan sahaja mengutip, malah mengagihkan zakat kepada golongan asnaf setempat. Agihan hanya disalurkan ke kawasan lain sekiranya terdapat lebihan yang tidak diperlukan di tempat asal kutipan. Pandangan ini disokong oleh para ulama muktabar seperti Imam al-Nawawi dan Ibn Qudamah, yang menegaskan bahawa penduduk tempat kutipan zakat harus diberikan keutamaan dalam penerimaan zakat bagi menjamin keadilan sosial dan kecekapan agihan (al-Nawawi, 1996; Ibn Qudamah, 2004). Dalam konteks kontemporari, pelaksanaan lokalisasi zakat bukan sahaja mempercepat proses bantuan kepada golongan yang benar-benar memerlukan, malah dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat apabila wujud hubungan yang jelas antara pembayar dan penerima dalam komuniti yang sama (Pengarah Zakat Negeri Sembilan, 2025).

Kini, pendekatan lokalisasi zakat semakin diberi perhatian semula oleh pelbagai institusi zakat sebagai strategi untuk memperkuuh keberkesanan agihan serta memperkasakan komuniti tempatan. Peranan institusi akar umbi seperti masjid dan jawatankuasa kariah dilihat semakin signifikan dalam menjayakan pendekatan ini. Oleh itu, pemahaman terhadap konsep lokalisasi zakat perlu diperluas bukan hanya dari sudut hukum dan fiqh, tetapi juga dari segi aspek pentadbiran, kecekapan tadbir urus, dan pembangunan komuniti Islam secara holistik (Yaacob & Daud, 2020).

Hari ini, sistem pengurusan zakat di Negeri Sembilan dilaksanakan secara berpusat iaitu di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) melalui agensinya, Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS). Struktur ini bertujuan memastikan kutipan dan agihan zakat dilaksanakan secara profesional, sistematik, dan patuh syariah (Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 2022). Kutipan zakat merangkumi pelbagai kategori seperti zakat pendapatan, perniagaan, simpanan, emas, dan fitrah, yang dijalankan melalui pelbagai saluran termasuk kaunter fizikal, sistem potongan gaji, perbankan atas talian, serta aplikasi mudah alih seperti e-Zakat NS (Pusat Zakat Negeri Sembilan, 2021). Agihan pula disalurkan kepada lapan golongan asnaf berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan, merangkumi bantuan bulanan, pendidikan, perubatan, keusahawanan, serta bantuan kecemasan (Noor & Noor, 2017). Meskipun sistem ini mencapai tahap integriti institusi dan ketelusan kewangan yang baik, ia masih berdepan beberapa cabaran termasuk birokrasi, kelewatan agihan, dan ketidaksepadanan maklumat setempat, sekali gus mendorong cadangan agar masjid dilibatkan secara lebih signifikan dalam pelaksanaan zakat komuniti sebagai langkah ke arah pengurusan zakat yang lebih responsif dan inklusif (Yaacob & Daud, 2020).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur sebagai kaedah utama pengumpulan data. Kaedah ini dipilih memandangkan objektif kajian bertujuan untuk memahami secara mendalam pengalaman, persepsi, dan cadangan pelaksanaan kutipan zakat berdasarkan institusi masjid. Temu bual separa berstruktur dijalankan dengan dua orang informan utama yang terlibat secara langsung dalam bidang pengurusan zakat dan pentadbiran institusi masjid di Negeri Sembilan. Reka bentuk ini membolehkan penyoal mengemukakan soalan terbuka yang fleksibel, disesuaikan dengan konteks dan pengalaman informan, sekali gus membolehkan penjanaan data yang kaya dan kontekstual (Yin, 2011).

Kajian ini telah menjalankan sesi temu bual bersama 8 orang pihak (informan) berautoriti berkaitan pengurusan zakat dan tata kelola masjid di Negeri Sembilan. Namun begitu, artikel ini hanya memuatkan maklum balas oleh 2 orang informan yang telah ditemu bual iaitu informan berstatus Pengarah Zakat dan Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sembilan. Temu bual telah dijalankan pada tarikh 15 Mei 2025 di pejabat-pejabat rasmi pihak pegawai yang berkaitan. Terdapat 10 soalan temu bual telah disediakan kepada setiap informan, namun begitu artikel ini hanya memfokuskan kepada maklum balas bagi satu soalan tunjang yang menjadi isi penting bagi artikel ini iaitu “Adakah pihak Tuan setuju sekiranya konsep lokalisasi zakat menerusi institusi Masjid dilaksanakan di Negeri Sembilan?”.

Selain temu bual, kajian ini turut melibatkan analisis dokumen bagi menyokong triangulasi data. Dokumen yang dianalisis termasuklah Laporan Tahunan MAINS, Manual Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sembilan, serta Pelan Strategik Pembangunan Masjid Negeri

Sembilan. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memahami dasar, struktur, dan pelaksanaan semasa pengurusan institusi masjid dan agihan zakat, serta mengenal pasti jurang dan potensi untuk pelaksanaan lokalisasi kutipan zakat melalui masjid. Gabungan dua sumber data ini membolehkan pemahaman yang lebih menyeluruh dan memperkuat kesahan dalam kajian melalui pendekatan triangulasi sumber.

Seterusnya, data yang diperoleh daripada temu bual dan dokumen telah dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif dan deduktif. Pendekatan ini bertujuan mengenal pasti tema-tema utama yang timbul secara langsung daripada data (deskriptif) sama ada daripada dapatan temu bual mahupun analisis dokumen yang telah dijalankan. Analisis secara Deduktif pula telah digunakan menerusi peraihan keumuman data yang terkumpul sebelum disimpulkan sebagai teori yang bersifat khusus terutamanya berkaitan teori lokalisasi pengurusan zakat secara spesifik di Negeri Sembilan. Bagi memastikan ketelitian dalam proses pengekodan dan analisis tema, penyelidik menggunakan perisian ATLAS.ti sebagai alat bantu analitik. Perisian ini memudahkan penyusunan data, pengekodan secara sistematik, pemetaan hubungan antara konsep, dan penghasilan jaringan pemahaman yang tersusun (Friese, 2014). Melalui pendekatan ini, kajian ini mencadangkan pembentukan asas awal bagi teori lokalisasi kutipan zakat melalui institusi masjid di Negeri Sembilan yang bersifat praktikal dan kontekstual.

Sorotan Literatur

Pendekatan lokalisasi zakat melalui masjid merupakan satu strategi yang semakin mendapat perhatian dalam usaha meningkatkan keberkesanan dan keadilan pengagihan zakat di peringkat komuniti. Masjid sebagai institusi terdekat dengan masyarakat setempat di mana-mana negara Islam, memiliki kelebihan dari segi keakraban sosial, kefahaman terhadap keperluan kariah, serta kedudukan yang dihormati sebagai pusat ibadah dan kebajikan. Dalam konteks ini, masjid bukan sahaja berperanan sebagai pusat pelaksanaan ibadat solat, malah turut berpotensi sebagai penggerak utama dalam mengenal pasti, menyalur, dan memantau bantuan zakat kepada golongan asnaf di sekelilingnya. Lokalisasi zakat melalui masjid juga selari dengan prinsip fiqh zakat yang mengutamakan agihan kepada golongan miskin di tempat kutipan, sebagaimana diamalkan pada zaman Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rashidin.

Konsep Lokalisasi Dalam Pengurusan Zakat Menurut Islam

Sejarah zakat telah bermula sejak awal perkembangan Islam di Makkah. Namun begitu, perintah kewajipan zakat pada masa itu hanya berlaku secara umum. Ayat-ayat Al-Quran yang menerangkan tentang kewajipan membayar zakat tidak mendalam dalam konteks atau jenis harta dan jumlah yang diperlukan untuk membayar zakat. Zakat pada masa itu hanya dibayar mengikut pertimbangan umat Islam dan kemurahan hati mereka (al-Qardawi, 1996). Selepas Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah dan negara Islam terbentuk pada tahun kedua hijrah, zakat diperintahkan dalam bentuk yang lengkap, sempurna dan terperinci berkaitan dengan jenis harta, jumlah yang diperlukan untuk membayar zakat, jenis-jenis orang yang berhak menerima zakat dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya (al-Qardawi, 1996). Sejarah Islam mencatat bahawa masjid telah menjadi pusat operasi urusan berkaitan baitulmal khususnya melibatkan pengurusan zakat. Rasulullah SAW mengurus semua urusan negara seperti menyelaras dan merancang peraturan serta menyelesaikan masalah orang ramai di masjid (Sidi, 1983).

Pengurusan kutipan dan pengagihan zakat kepada yang berhak pada zaman Rasulullah SAW pada dasarnya dilakukan di masjid. Hakikatnya, setiap harta yang diterima terutamanya zakat akan dikumpulkan di masjid dan sekaligus menjadikan masjid sebagai institusi baitulmal

pertama dalam sejarah Islam (Wahid & Ahmad, 2012). Perlu difahami juga bahawa tiada fakta atau jumpaan dalil yang menunjukkan lebihan dana atau zakat yang diagihkan ke kawasan lain semasa zaman Rasulullah SAW (Khaf, 1999).

Pada era Rasulullah SAW, institusi masjid memainkan peranan penting dalam setiap aspek bukan sahaja dalam hal ibadah tetapi juga dalam hal berkaitan ekonomi, politik dan juga sosial. Masjid juga dikenali sebagai institusi penting dalam sejarah Islam (Syed Othman & Adit, 1994). Ia bukan sahaja tempat bagi umat Islam untuk melaksanakan ibadah tertentu seperti solat, membaca al-Qur'an, zikir dan beberapa yang lain tetapi juga merupakan pusat pembangunan bagi masyarakat Islam dalam konteks yang menyeluruh. Usaha pertama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW untuk membangunkan masyarakat dan negara Islam di Madinah adalah dengan membina masjid. Pada masa itu pembinaan bangunan telah mencapai sehingga 18 masjid dan meningkat bilangannya selepas itu (Mokhtar, 2003). Masjid Nabawi telah menjadi pusat bagi setiap aktiviti penting semasa zaman Rasulullah SAW termasuk dalam hal mendidik umatnya untuk mengatur urusan kehidupan dan agama di peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara. Masjid telah memainkan peranan yang luas termasuk dalam aspek ibadah, pengetahuan, politik, ekonomi, ketenteraan, pentadbiran, pembentukan dasar negara, hubungan antara negara dan termasuk pengurusan zakat (Lokman & Musa, 1996). Oleh itu, pengurusan zakat dalam Islam sangat dekat dengan institusi masjid dan sekaligus mempraktikkan amalan pengurusan zakat mengikut lokalisasi setempat (Azman & Mursyid, 2019).

Lokalisasi zakat harus melibatkan pengumpulan dan pengagihan zakat dalam had-had tertentu di sesebuah kawasan. Kaedah ini melibatkan pemindahan kuasa pengumpulan dan pengagihan kepada pihak yang bertanggungjawab di peringkat tempatan. Amalan ini telah diperkenalkan pada zaman Nabi Muhammad SAW (Mahazan et al., 2016). Sistem ini disokong oleh hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas RA ketika Nabi SAW menghantar Muadz RA ke Yaman dan menasihatinya menerusi hadis:

اَدْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةٍ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ، فَأَعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدِ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ حَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ، فَأَعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ وَتُرْدَ عَلَى فُقَرَائِهِمْ

"Ajaklah mereka untuk mengakui bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, dan sesungguhnya aku adalah utusan Allah, terangkan kepada mereka bahawa Allah SWT mewajibkan mereka untuk solat lima kali sehari." Jika mereka taat, ajarilah mereka bahawa Allah SWT memerintahkan mereka untuk membayar zakat ke atas harta mereka, diambil daripada orang kaya dalam kalangan mereka dan dipulangkan kepada orang miskin dalam kalangan mereka.

(Muttafaq 'alaih).

Berdasarkan hadis yang dinyatakan, al-Qardawi (1996) menyatakan bahawa Nabi SAW telah melantik dan menugaskan amil untuk pergi ke pelbagai negara dan daerah untuk mengumpul kemudian mengagihkan zakat di kalangan penduduk tempatan. Rasulullah SAW juga telah memerintahkan amil untuk mengambil sebahagian harta daripada orang kaya untuk diberikan kepada orang miskin dan asnaf-asnaf lain seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran. Pengurusan zakat pada zaman itu menggunakan kaedah pelokalisasi yang bermaksud amil yang dilantik

mempunyai hak untuk mengutip zakat di satu kawasan tertentu dan mengagihkan zakat tersebut kepada penduduk dalam kawasan yang sama. Namun, jika terdapat lebihan dana zakat di kawasan tersebut, maka adalah dibenarkan untuk memberikan atau membantu orang dari kawasan lain (Khaf, 1999). Dalam konteks hadis yang dibincangkan, Muadz telah melaksanakan wasiat Rasullullah SAW semasa kepimpinannya di Yaman dengan mengagihkan zakat rakyat di kawasan tersebut kepada orang-orang yang berhak dalam kalangan penduduk tempatan.

Melalui sorotan ini, dapat disimpulkan bahawa kaedah pengurusan zakat secara lokal adalah kaedah pengurusan yang komprehensif yang diperkenalkan oleh Islam sejak zaman Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan tabiin yang merupakan generasi terbaik dalam sejarah perkembangan Islam. Kaedah melokalisasikan pentadbiran zakat melalui institusi masjid adalah kaedah pengurusan terbaik yang berfungsi sebagai simbol ikonik atau pusat aktiviti umat Islam. Kaedah tersebut mampu mengoptimumkan pengurusan zakat dari segi kutipan, pengagihan dan penjanaan harta. Proses melokalisasi pengurusan zakat adalah berkesan dan relevan untuk dilaksanakan semula pada masa kini bagi menangani isu-isu pengurusan zakat yang timbul (Mokhtar, 2003; Rahman & Wahid, 2018).

Kronologi Peralihan Fasa Pengurusan Zakat di Negeri Sembilan

Pengurusan zakat di Negeri Sembilan telah melalui transformasi dalam pelbagai aspek yang dipengaruhi oleh faktor sejarah, politik, dan sosio-ekonomi, beralih dari zaman sebelum penjajahan kepada sistem formal yang kontemporari menjelang tahun 2025 (Nor Azmi, t.th.). Naratif ini bermula jauh sebelum kedatangan penjajahan British, yang berakar umbi dalam struktur sosial Kesultanan Melayu (Sapogi, 2020). Pada era tersebut, pengurusan zakat adalah secara tempatan atau lokal, dengan perletakan kuasa berada di tangan ketua-ketua tempatan dan pemimpin agama yang menguruskan pengumpulan dan pengagihan zakat dalam kawasan masing-masing (Rahman & Wahid, 2018). Pengurusan zakat secara tidak formal tersebut adalah berlandaskan nilai hubungan komuniti dan kepercayaan, namun memastikan bahawa zakat sampai kepada penerima (asnaf) yang tinggal dalam komuniti yang sama (Batin & Rahmayanti, 2021). Ketiadaan pihak berkuasa pusat telah membuka ruang kepada perbezaan amalan di antara “Luak” (daerah) yang berlainan di Negeri Sembilan yang mencerminkan adat resam tempatan dan aktiviti ekonomi pada ketika itu (Nor Azmi, t.th.). Seiring peredaran waktu, walaupun beberapa amalan mungkin serasi dengan sebahagian kawasan tertentu, ketidakseragaman tertentu terutamanya dalam hal berkaitan pengumpulan dan pengagihan zakat telah menyebabkan kemunculan permasalahan-permasalahan lain dalam kalangan masyarakat (Ali et al., 2019).

Bermulanya era penjajahan British telah membawa titik perubahan yang besar dalam pentadbiran zakat di Negeri Sembilan. British telah memperkenalkan elemen struktur, birokrasi dan rangka kerja undang-undang yang secara beransur-ansur mengubah sistem pengurusan zakat tradisional. British berusaha untuk menubuhkan sebuah jabatan pentadbiran yang lebih formal. Mereka mula bertindak dengan mengkodifikasi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan hal ehwal Islam termasuk zakat. Langkah awal tersebut telah membawa kepada penubuhan majlis agama negeri, yang mengambil tanggungjawab untuk mengawasi pengumpulan dan pengagihan zakat secara beransur-ansur sekali gus mengantikan kuasa tradisional ketua-ketua tempatan (Ahmad et al., 2015). Peralihan ke arah pemasukan pengurusan zakat itu bermula dengan cabaran kerana amat memerlukan penyeimbangan yang harmoni antara pentadbiran kolonial dan adat tempatan di samping memastikan pentadbiran zakat selaras dengan kedua-dua mandat undang-undang dan sensitiviti agama penduduk Melayu.

Reformasi yang direka oleh British untuk memodenkan sistem pengurusan hal ehwal Islam juga menghadapi tantangan dari aspek-aspek tertentu dalam kalangan masyarakat yang berhati-hati terhadap campur tangan pengaruh kolonial dalam hal-hal keagamaan. Bidang kuasa mahkamah syariah adalah terhad semasa zaman kolonial, manakala mahkamah sivil dijadikan sebagai kuasa besar pemutus keadilan dalam masyarakat. Semasa tempoh penjajahan British, peruntukan yang mengandungi undang-undang Islam telah diubah dan tidak lagi menjadi asas pentadbiran negeri (Aminah & Sugitanata, 2022).

Pasca kemerdekaan, Malaysia memulakan perjalanan untuk mereformasi dan mengukuhkan institusi Islam termasuk perihal pengurusan zakat seiring penetapan aspirasi sebuah negara berdaulat. Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Negeri Sembilan menjadi langkah penting ke arah pemusatan pentadbiran zakat di bawah kawalan negeri. Badan tersebut telah diamanahkan dengan tanggungjawab untuk memperkenalkan dasar, menggubal peraturan, dan mengawasi pengumpulan serta pengagihan dana zakat di seluruh negeri. Penggubalan Enakmen Pentadbiran Agama Islam pada tahun 2003 telah mengukuhkan lagi rangka kerja undang-undang dalam hal pengurusan zakat di Negeri Sembilan (Nor Azmi, t.th.). Pengenalan enakmen tersebut telah menyediakan rangka kerja yang komprehensif untuk pengumpulan, pengagihan, dan penguatkuasaan zakat, memastikan akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan dana zakat (Hasan, 2001). Pada tahun 1980-an, sebuah persidangan kebangsaan diadakan di Kedah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi membincangkan undang-undang Islam (Aminah & Sugitanata, 2022). Selepas merdeka, Malaysia berusaha untuk meminda, menjelaskan, dan mengodifikasi undang-undang Islam di beberapa negeri (Aminah & Sugitanata, 2022). Beberapa produk undang-undang baru telah ditubuhkan dan dipinda di Malaysia dalam dekad berikutnya termasuk perihal berkaitan pengurusan zakat yang bersifat berpusat di bawah autoriti agama Islam negeri (Aminah & Sugitanata, 2022).

Kini, pentadbiran zakat di Negeri Sembilan telah berkembang menjadi sistem yang canggih lengkap bercirikan nilai profesional, inovasi, dan komitmen terhadap impak sosial yang lebih mapan. Pusat Zakat Negeri Sembilan, sebagai institusi zakat utama di negeri ini telah menggunakan teknologi moden dalam amalan pengurusan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya dalam operasi zakat. Pelbagai kaedah kutipan, termasuk platform dalam talian, potongan gaji, dan sistem pembayaran mudah alih telah memudahkan umat Islam untuk memenuhi kewajiban zakat mereka. Namun begitu, cabaran pengurusan zakat di Negeri Sembilan pada masa kini masih belum berakhir. Sistem pengurusan zakat di Negeri Sembilan pada masa kini yang sifatnya berpusat telah menimbulkan pelbagai kekangan, khususnya dari segi keberkesanannya penyampaian bantuan, kecekapan pelaksanaan, dan keadilan dalam pengagihan kepada asnaf. Antara cabaran utama yang dikenal pasti termasuklah kelewatan penyaluran bantuan akibat birokrasi pentadbiran, kelemahan dalam mengenal pasti asnaf secara menyeluruh, serta keterbatasan sumber dan keupayaan institusi pusat (Noor & Noor, 2017). Isu-isu yang berlaku pada masa kini berkait rapat dengan sistem dan tadbir urus zakat semasa, maka solusinya juga seharusnya dengan penambahbaikan terhadap tadbir urus zakat sedia ada (Rahman & Wahid, 2018). Berdasarkan sorotan sejarah dan kronologi pengurusan zakat di Negeri Sembilan, kajian menekankan bahawa lokalisasi zakat menerusi institusi masjid di Negeri Sembilan pernah berlaku ketika era sebelum kedatangan British. Perkara tersebut menjadi bukti bahawa pelokalisasi pengurusan zakat menerusi institusi masjid adalah tidak mustahil untuk diaplikasikan di Malaysia selain tidak bercanggah dengan prinsip syariat dan perundungan manusia. Perkembangan kefahaman Syariat Islam dan kewujudan undang-undang bertulis dalam kalangan masyarakat di negara ini dilihat boleh dimanfaatkan untuk memperkuat usaha pelokalisasi zakat sekali gus mengatasi segala permasalahan

pengurusan zakat yang terjadi pada era-era sebelum ini. Berlandaskan perbincangan yang dibahaskan, subtopik ini ditutup dengan jadual yang menyimpulkan bentuk pengurusan zakat di Negeri Sembilan sesuai mengikut fasa peralihan masa bermula sebelum zaman penjajahan sehingga ke hari ini:

Rajah 1: Jadual Ringkasan Peralihan Masa, Catatan Peristiwa dan Bentuk Pengurusan Zakat di Negeri Sembilan

Fasa Masa	Catatan Peristiwa	Bentuk Pengurusan Zakat
1. Pra-Penjajahan (sebelum abad ke-19)	<ul style="list-style-type: none"> - Berakar dalam struktur sosial Kesultanan Melayu - Kuasa zakat di tangan pemimpin tempatan dan tok imam - Agihan bersifat lokal, berdasarkan kepercayaan komuniti 	Lokal dan tidak formal: <ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan zakat oleh ketua adat dan tok imam di kariah masing-masing secara langsung dan berdasarkan adat
2. Penjajahan British (abad ke-19 – 1957)	<ul style="list-style-type: none"> - British memperkenalkan struktur birokrasi dan undang-undang pentadbiran Islam - Penubuhan majlis agama negeri - Kuasa ketua tempatan dikurangkan 	Peralihan kepada sistem berpusat (semi-formal): <ul style="list-style-type: none"> - Majlis agama mula ambil alih pengawasan kutipan dan agihan zakat secara berperingkat
3. Pasca-Kemerdekaan Awal (1957 – 2000)	<ul style="list-style-type: none"> - Reformasi institusi Islam secara berperingkat oleh warga tempatan - Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) - Kodifikasi undang-undang Islam 	Formal dan berpusat: <ul style="list-style-type: none"> - Zakat dikawal oleh MAINS; mula diperkenal dasar, peraturan dan pemantauan berstruktur
4. Era Kontemporari (2000 – kini)	<ul style="list-style-type: none"> - Penubuhan Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS) - Penggunaan teknologi dan sistem digital - Cabaran: birokrasi, kelewatan agihan, dan isu kepercayaan masyarakat 	Berpusat dan profesional: <ul style="list-style-type: none"> - Agihan zakat dikendalikan sepenuhnya oleh PZNS; masjid berperanan terhad sebagai pengesahan asnaf dan pelaksana bantuan kecil
5. Cadangan Masa Depan (2025 dan seterusnya)	<ul style="list-style-type: none"> - Pemerkasaan semula peranan masjid - Berdasarkan sejarah lokaliti dan kecekapan masjid dalam pengurusan komuniti 	Model Lokalisasi Melalui Masjid (dicadangkan): <ul style="list-style-type: none"> - Masjid diberi kuasa operasi terhad dalam kutipan dan agihan kepada asnaf kariah; disokong oleh PZNS

Cadangan Pelokalisasian Pengurusan Zakat di Institusi Masjid

Sejak dahulu, kini dan selamanya, masjid berfungsi sebagai institusi akar umbi yang berinteraksi secara langsung dengan komuniti setempat. Masjid dilihat mempunyai potensi besar dalam memainkan peranan yang lebih proaktif ke arah membawa perubahan positif kepada masyarakat sekitar. Sekiranya masjid diberikan kuasa menguruskan zakat yang lebih optimum, kutipan dan agihan zakat dapat disampaikan dengan lebih pantas, bersasar, dan

efektif khususnya dalam situasi mendesak seperti bencana atau kecemasan sosioekonomi (Pengarah Zakat Negeri Sembilan, 2025; Yaacob & Daud, 2020).


Di samping itu, penglibatan masjid dalam pengurusan zakat berupaya mengurangkan kadar keciciran dalam agihan zakat serta meningkatkan ketelusan melalui pemantauan masyarakat setempat (Abu Yazid & Wahab, 2021). Kepercayaan awam terhadap institusi masjid juga umumnya lebih tinggi berbanding institusi zakat pusat yang kadangkala dilihat kurang telus dan lambat bertindak. Keadaan ini dapat merangsang peningkatan kutipan zakat sekaligus memperkuuhkeyakinan pembayar terhadap integriti sistem zakat (Rahman & Wahid, 2018). Lebih penting lagi, pelaksanaan agihan zakat yang selari dengan lokasi kutipan sebagaimana ditetapkan dalam fiqh zakat klasik dapat direalisasikan secara lebih berkesan melalui peranan aktif masjid. Hal ini sekali gus menghidupkan kembali semangat lokalisasi zakat dalam kerangka maqasid al-syariah dengan memberi keutamaan kepada keadilan sosial, kecekapan pengurusan, dan pembangunan komuniti setempat (Ibn Qudamah, 2004; al-Nawawi, 1996).

Bertujuan menguatkan lagi dapatan kajian ini, temu bual separa struktur telah dijalankan tehadap dua orang informan utama iaitu Pengarah Zakat dan Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sembilan pada tarikh 15 Mei 2025 di pejabat-pejabat rasmi pihak pegawai yang berkaitan. Berikut perbincangan data maklum balas bagi satu soalan pangkal yang menjadi fokus diskusi bagi artikel ini iaitu “Adakah pihak Tuan setuju sekiranya konsep lokalisasi zakat menerusi institusi Masjid dilaksanakan di Negeri Sembilan?”. Menurut Pengarah Zakat Negeri Sembilan (2025), beliau setuju dan mengakui bahawa lokalisasi zakat adalah bentuk pengurusan zakat yang baik. Masyarakat dan pihak sarjana umumnya mengetahui bahawa lokalisasi zakat terutamanya menerusi institusi masjid akan memudahkan pihak masyarakat untuk mengakses bantuan dan segala informasi berkaitan zakat. Masjid hakikatnya menjadi tempat terbuka dan sentiasa berperanan membantu mana-mana orang Islam yang berada dalam kesusahan. Masjid bukan sekadar menjadi pusat ibadat solat, bahkan melangkaui dari hal tersebut. Pengurusan zakat menerusi institusi masjid juga pernah dilaksanakan pada zaman Rasulullah dan perkara tersebut tidak mustahil untuk diaplakasikan kembali pada hari ini dengan mengambil manfaat kecanggihan teknologi yang boleh memperkasakan lagi pengurusan zakat. Menurut beliau lagi, tidak dapat dinafikan bahawa bahawa idea melokalisasikan pengurusan zakat di institusi masjid dapat menyelesaikan sebahagian masalah kutipan dan agihan zakat pada masa kini. Sebagai contohnya, masalah keciciran data tentang asnaf zakat dapat diselesaikan di samping memudahkan sebarang permohonan zakat oleh pihak yang memerlukan melalui institusi masjid yang sudah pastinya dekat dengan masyarakat. Buat masa ini, fungsi masjid dalam hal pengurusan zakat adalah amat terhad iaitu berkaitan kutipan zakat fitrah sahaja. Dari sudut lain, masjid hanya menjadi tempat menyampaikan bantuan zakat kepada masyarakat yang memerlukan melalui aduan atau permohonan di cawangan/kaunter Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS).

Berdasarkan dapatan temu bual bersama informan kedua iaitu Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sembilan (2025), beliau juga turut menyokong idea melokalisasikan pengurusan zakat di institusi masjid di Negeri Sembilan. Menurut beliau, masjid yang sesuai bagi menjalankan fungsi tersebut adalah Masjid Kariah yang berjumlah 311 masjid kesemuanya di Negeri Sembilan. Jumlah masjid tersebut dilihat mampu menampung dan menyalurkan segala perihal berkaitan pengurusan zakat di negeri itu. Imam atau ahli kariah masjid misalnya, sememangnya mempunyai banyak maklumat berkaitan asnaf dan amat rugi sekiranya maklumat tersebut tidak dimanfaatkan dalam memacu pengurusan zakat ke arah yang lebih tersusun dan telus. Beliau juga berpendapat bahawa tiada sebarang kekangan undang-

undang bakal dihadapi sekiranya pengurusan zakat dilaksanakan di institusi masjid. Namun begitu, pihak berautoriti negeri dicadangkan perlu menilai kembali kompetensi imam dan ahli jawatankuasa masjid sekiranya lokalisasi zakat menerusi masjid dilaksanakan di Negeri Sembilan. Beliau menyokong cadangan model baharu pengurusan zakat di institusi masjid kariah Negeri Sembilan perlu menitikberatkan soal peningkatan imbuhan kepada imam atau ahli jawatankuasa masjid yang terlibat. Perkara tersebut penting bagi memberi suntikan semangat kerana tugas yang mereka pikul akan bertambah dan meluas iaitu mencakupi pengurusan zakat kepada asnaf.

Data yang diraih telah dianalisis menerusi ATLAS.ti dan berikut dikongsikan rangka visual Network ATLAS.ti untuk tema-tema berkaitan lokalisasi zakat melalui institusi masjid. Setiap tema utama dihubungkan dengan kod-kod yang relevan daripada hasil temu bual, menggambarkan hubungan logik antara dapatan dan tema analitik:



Rajah 2: Rangka Visual Melalui Perisian ATLAS.ti

Penjanaan rangka visual “Network” di atas adalah berdasarkan pengkategorian berikut:

Rajah 3: Pengkategorian (Pengelompokan Kod Berdasarkan Kategori)

Kategori	Kod Berkaitan
Sokongan terhadap Lokalisasi Zakat	Pengakuan keberkesanan, sokongan institusi masjid, sejarah masjid, solusi kepada isu semasa
Keupayaan dan Potensi Masjid	311 masjid kariah, maklumat asnaf tersedia, saluran maklumat, tempat bantuan
Isu Pelaksanaan & Cabaran	Fungsi terhad, tiada halangan undang-undang, perlunya penilaian kompetensi, sokongan teknologi
Cadangan Penambahbaikan	Imbuhan imam/AJK, pemerkasaan fungsi masjid, pemanfaatan teknologi

Analisis temu bual tersebut juga tersedia dalam bentuk Pembentukan Tema Induktif seperti yang disertakan di bawah:

Rajah 4: Pembentukan Tema Induktif (*Theme Generation*)

Tema Utama	Penjelasan Tema
Sokongan Institusi terhadap Lokalisasi	Terdapat konsensus dalam kalangan pihak autoriti zakat dan masjid bahawa pengurusan zakat melalui masjid adalah wajar dan efektif
Masjid Sebagai Pelaksana Strategik	Masjid memiliki infrastruktur sosial, hubungan komuniti dan maklumat setempat yang membolehkan ia menjadi penggerak agihan zakat
Keperluan Reformasi Operasi	Pelaksanaan memerlukan semakan semula terhadap struktur kompetensi, kejelasan peranan, dan pemantapan melalui insentif dan Latihan
Lokalisasi Zakat sebagai Solusi Isu Sistemik	Lokalisasi diakui berpotensi mengatasi isu birokrasi, keterlambatan bantuan dan keciciran data dalam sistem pengurusan zakat berpusat masa kini

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan temu bual bersama kedua-dua informan utama dalam kajian yang dijalankan ini, jelas menunjukkan bahawa terdapat sokongan yang kukuh terhadap cadangan lokalisasi zakat menerusi institusi masjid. Pengarah Zakat Negeri Sembilan (2025) mengakui bahawa pendekatan ini mampu meningkatkan keberkesanan pengagihan zakat, memudahkan akses masyarakat kepada bantuan, dan menyelesaikan isu keciciran data asnaf melalui jaringan langsung masjid dengan komuniti. Sementara itu, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sembilan (2025) turut bersetuju bahawa Masjid Kariah yang berjumlah 311 buah di seluruh negeri mempunyai keupayaan logistik dan sosial untuk melaksanakan fungsi pengurusan zakat secara lebih berkesan. Beliau juga menekankan kepentingan penilaian semula terhadap tahap kompetensi dan imbuhan kepada imam serta jawatankuasa masjid agar mereka dapat melaksanakan tugas tambahan ini dengan lebih bersemangat dan profesional.

Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa cadangan melokalisasikan pengurusan zakat melalui institusi masjid di Negeri Sembilan adalah praktikal, tidak bercanggah dengan kerangka undang-undang sedia ada, serta mampu memacu sistem zakat ke arah yang lebih telus, efisien, dan mesra komuniti. Melalui pembuktian sejarah juga membuktikan bahawa pengurusan zakat di institusi masjid adalah selari dengan sejarah ketamadunan Islam bermula dari zaman Rasulullah SAW. Sorotan sejarah di awal kajian ini juga membuktikan bahawa Negeri Sembilan pada zaman sebelum penjajahan telah menjadikan Imam dan Ulama di masjid atau surau sebagai orang rujukan dan pengurus zakat. Hakikatnya, persoalan mengenai tadbir urus dan pengurusan adalah sentiasa terbuka kepada penambahbaikan dan idea pengurusan zakat bermediumkan institusi masjid wajar diketengahkan di Negeri Sembilan di samping selari dengan usaha pelokalisasian zakat menurut Islam.

Rujukan

- Al-Nawawi. (1996). *Al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*. v.6. Dar al-Fikr.
- Al-Qardawi, Y. (1996). *Hukum Zakat: Studi Komparatif Mengenai Status dan Filosofia Zakat Berdasarkan Quran dan Hadis*. S. Harun, (terj). Penerbit Litera Antara Nusa.
- Azman, A. R., & Mursyid, J. M. F. Y. (2019). Memperkasa Pengurusan Agihan Zakat di Institusi Masjid Malaysia: Isu dan Cabaran. *UMRAN: Journal of Islamic and Civilisational Studies*, 6(2-2), 73-83. <https://doi.org/10.11113/umran2019.6n2-2.384>
- Friese, S. (2014). *Qualitative Data Analysis With ATLAS.ti* (2nd ed.). SAGE Publications.
- Ibn Qudamah. (2004). *Al-Mughni*. Dar 'Alam al-Kutub.
- Khaf, M. (1999). *The Performance of the Institution of Zakat in Theory and Practice*. Paper presented at the International Conference on Islamic Economics Towards the 21st Century, Kuala Lumpur.
- Lokman, A. R., & Musa, A. (1996). *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*. Majlis Agama Islam Melaka.
- Mahazan, A. M., Rahman, A. A., Razali, W. M. F. A. W., Hashim, M., Ahmad, N. M., Zakaria, M. Z., & Ghani, A. H. A. (2016). *Masjid dan Pembangunan Komuniti Bandar dan Luar Bandar*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. (2022). *Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan 2021*. MAINS.
- Mokhtar, S. A. M. (2003). *Peranan Masjid Dalam Islam*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Noor, A.M., & Noor, A. (2017). Zakat Distribution and Localisation: Efficiency Issues in Malaysia. *International Journal of Zakat*, 2(2), 13–22.
- Pusat Zakat Negeri Sembilan. (2021). *Laporan Agihan dan Kutipan Zakat Negeri Sembilan 2021*. Pusat Zakat Negeri Sembilan.
- Rahman, A.A., & Wahid, H. (2018). Cadangan Penambahbaikan Agihan Zakat: Model Masjid Sebagai Pusat Agihan Zakat. *Jurnal Syariah*, 26(1), 33–60.
- Sidi, G. (1983). *Islam dan Perubahan Sosiobudaya: Kajian Islam Tentang Perubahan Masyarakat*. Pustaka Antara.
- Syed Othman, H., & Adit, G. (1994). *Islamic Values and Management*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Wahid, H., & Ahmad, S. (2012). Melokalisasikan Urus Tadbir Pengagihan Zakat: Peranan Institusi Masjid di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 3(1), 71–83. <http://ejournal.ukm.my/ajac/article/view/6519>
- Yaacob, M.F.M., & Daud, N. M. (2020). Community-Based Zakat Distribution Model: Reassessing the Role of Mosque Institution in Malaysia. *Journal of Islamic Finance*, 9(S1), 93–104.
- Yin, R. K. (2011). *Qualitative Research From Start to Finish*. Guilford Press.

Temu Bual

Pengarah Zakat Negeri Sembilan, Temu Bual Peribadi, Mei 15, 2025.

Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sembilan. Temu Bual Peribadi, Mei 15, 2025.